

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG**  
**KAWASAN : BAGAN**  
**TARIKH : 21 MAC 2011 (ISNIN)**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN LIM GUAN ENG (BAGAN)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah jaminan bank, subsidi atau insentif yang diberikan dan pampasan yang dibayar oleh Kerajaan Persekutuan kepada setiap syarikat konsesi tol tiap-tiap tahun sejak ia bermula pada tahun 1980-an. Berikan pecahan syarikat, kos pembinaan dan tempoh masa konsesi.

*obsene profit*

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2010 jumlah pampasan dalam bentuk tunai yang telah dibayar oleh Kerajaan kepada syarikat-syarikat konsesi lebuhraya ialah sebanyak RM2.05 bilion.

Pampasan tersebut perlu dijelaskan berikutan dari keputusan Kerajaan untuk menanggukkan kenaikan kadar tol bagi lebuhraya-lebuhraya yang sedang beroperasi, sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Perjanjian Konsesi. Di samping itu Kerajaan juga perlu membayar pampasan disebabkan oleh faktor-faktor lain, antaranya seperti penghapusan kutipan tol di Plaza Tol Salak Jaya, Lebuhraya Sungai Besi, penetapan diskaun 50% kadar tol untuk bas bagi lebuhraya-lebuhraya di bawah kendalian PLUS Expressways Berhad dan pampasan kerana tidak melaksanakan *restriction order* di Lebuhraya Selat Klang Utara Baru.

Maklumat mengenai jumlah pecahan pampasan tol, kos pembinaan dan tempoh konsesi mengikut lebuhraya ialah seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>LEBUHRAYA</b>	<b>JUMLAH PAMPASAN (RM JUTA)</b>	<b>KOS PEMBINAAN (RM JUTA)</b>	<b>TEMPOH KONSESI (TAHUN)</b>
1.	Lebuhraya Utara Selatan	735.22	5,944.77	50
2.	Lebuhraya Utara Selatan Hubungan Tengah	13.79	1,249.88	36
3.	Lebuhraya Shah Alam	9.78	1,115.88	30
4.	Lebuhraya Kuala Lumpur - Karak	100.86	451.70	38
5.	Jambatan Pulau Pinang	181.23	943.54	24
6.	Lebuhraya Seremban Port Dickson	0.18	224.61	43
7.	Lebuhraya Laluan Kedua Malaysia-Singapura	31.98	1,026.16	45
8.	Lebuhraya Butterworth-Kulim	24.21	255.85	32
9.	Lebuhraya Cheras Kajang	105.15	286.49	32
10.	Lebuhraya Damansara Puchong	631.31	1,080.0	34
11.	Lebuhraya Sungai Besi	8.21	278.83	36
12.	Lebuhraya Bertingkat Ampang Kuala Lumpur	45.86	462.70	33
13.	Lebuhraya Skim Penyuraian Trafik Kuala Lumpur Barat	76.43	1,246.00	36 Pakej A&B; & 33 Pakej C
14.	Lebuhraya Pintas Selat Klang Utara Baru	30.87	320.0	17
15.	Lebuhraya Metramac	0.40	45.00	26
16.	Lebuhraya Baru Pantai	25.78	660.00	27
17.	Lebuhraya Sistem Lingkaran Luar Kajang	2.71	1,003.00	40
18.	Lebuhraya Pantai Timur 1	1.61	1,300.00	38
19.	Lebuhraya Shah Alam - Kuang	0.10	660.00	33
20.	Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth	17.62	252.40	30
21.	Lebuhraya SMART	6.59	1,933.00	40
22.	Lebuhraya Kuala Lumpur-Putrajaya	1.08	1,252.00	32

BIL.	LEBUHRAYA	JUMLAH PAMPASAN (RM JUTA)	KOS PEMBINAAN (RM JUTA)	TEMPOH KONSESI (TAHUN)
23.	Lebuhraya Kajang-Seremban	0.01	766.00	42
24.	Lebuhraya Duta Ulu Kelang	0.16	822.00	34
25.	Lebuhraya Senai Desaru	0.01	1,300.0	33
26.	Lebuhraya Kemuning Shah Alam	-	406.60	40
27.	Lebuhraya Lembah Kelang Selatan	-	1,100.00	40
	<b>JUMLAH</b>	<b>2,051.15</b>		

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, maklumat mengenai jumlah jaminan bank, subsidi dan insentif cukai kepada syarikat-syarikat konsesi yang berkenaan adalah di bawah bidang kuasa Agensi Pusat, iaitu Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan.

Sekian. Terima kasih.

Ms Yap  
 Pls prepare follow-up  
 go to Minister in PM  
 Dept of Finance Minister  
 on "guarantee bank,  
 subsidy, insentif cukai" and  
 also ask them how much  
 they have collected in toll  
 receipts from drivers - R.